

Beri peluang, kini masa untuk bekerja

m/s: 4

UM-5/12/2022

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Usul undi percaya bagi membuktikan keabsahan Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat tidak wajar dilakukan kerana seolah-olah meniadakan perkenan Yang di-Pertuan Agong memutuskan pelantikan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu sebagai Perdana Menteri ke-10.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, sekarang adalah masa untuk bekerja dan kerajaan perpaduan diterajui Anwar wajar diberi peluang membuktikan mereka mampu mentadbir kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) berlangsung.

Malah katanya, tiada peruntukan undang-undang untuk

berbuat demikian dan sudah memadai dengan keputusan pelantikan Perdana Menteri atas perkenan Seri Paduka seperti mana jelas termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Sebarang undi percaya boleh dilakukan selepas tempoh enam bulan atau lebih jika Anwar mahu membuktikan beliau masih mendapat keyakinan dan kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

“Apatah lagi pelantikan mereka adalah sah dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong. Namun terserah kepada kerajaan jika mereka yakin untuk membuktikan mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen,” katanya.

Anwar sebelum ini memberitahu beliau yakin dengan majoriti dimiliki kerajaan perpaduan dan bersedia menguji keabsahannya di Parlimen pada sidang 19 Disember ini.

Pengerusi PH itu diyakini mempunyai majoriti dua pertiga di Parlimen dengan sokongan Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) serta parti-parti lain termasuk wakil rakyat Bebas.

Mengulas prosedur undi percaya, Wan Junaidi berkata, pengundian itu dilakukan secara ‘perhitungan’ yang bermakna kesemua 222 ahli Parlimen perlu memangkah dalam satu kertas undi, sama ada bersetuju atau sebaliknya, terhadap usul dikemukakan.

Katanya, proses itu tidak dilakukan secara *en bloc* sebaliknya secara perseorangan dengan setiap wakil rakyat perlu mengundi untuk bersetuju atau tidak, terhadap usul undi percaya dan dilakukan secara rahsia di mana ahli-ahli Parlimen termasuk blok kerajaan diberikan kebebasan menyokong atau menolak.